

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Wednesday, May 31, 2017 11:30 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: PPA COLGIS ONLINE : MAJLIS HI TEA BERSAMA PELAJAR MOBILITI UUM COLGIS



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

"MUAFAKAT KEDAH"

31 MEI 2017 / 05 RAMADAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

MAJLIS HI TEA BERSAMA PELAJAR MOBILITI UUM COLGIS



PPA COLGIS ONLINE : Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni (PPA) UUM COLGIS telah mengadakan Majlis *Hi-Tea* Bersama Pelajar Mobiliti COLGIS bagi meraikan seramai 41 orang pelajar yang mengikuti program pertukaran pelajar dari luar negara (Mobiliti Berkredit Inbound). Majlis telah berlangsung pada 23 Mei 2017 bertempat di Academia Lounge yang telah dihadiri oleh pelajar mobiliti dari Universitas Brawijaya, Universitas Ahmad Dahlan, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Maejo University, Tongren University, Beifang University of Nationalities, Xi'an Peihua University, Xi'an Eurasia University, Guangxi University of Finance and Economics dan Guangxi University of Foreign Language. Majlis ini adalah

bertujuan untuk menghargai pelajar mobiliti yang akan menamatkan pengajian di UUM pada semester A162 disamping berkongsi pengalaman dengan mereka sepanjang satu semester berada di UUM.

Li ChaoWei, pelajar China dari Guangxi University of Finance and Economics berasa begitu gembira sekali kerana berpeluang melanjutkan pengajian selama satu semester di UUM dan berpeluang untuk belajar tentang budaya dan masyarakat di Malaysia terutama budaya orang Melayu yang cepat mesra. Manakala menurut Wirapong Torai, pelajar Thailand dari Maejo University berkata penguasaan Bahasa Inggeris beliau bertambah baik semenjak mengikuti pengajian di UUM dan beliau semakin berani untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris.

"Saya ingin melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana di UUM suatu hari nanti", kata Hu Shuangshuang, pelajar China dari Xi'an Peihua University yang begitu bersemangat untuk kembali ke UUM semula. Menurut Putri Rihadatul Aisyi pelajar dari Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, UUM mempunyai kampus yang begitu luas sekali dan suasana pembelajaran yang lengkap dengan pelbagai kemudahan yang disediakan di sini termasuk bas kitaran kampus dan capaian internet di INASIS.

Dekan PPA UUM COLGIS, Prof. Madya Dr. Rusdi Omar, dalam ucapan beliau berpesan kepada pelajar mobiliti supaya memberitahu kepada rakan-rakan di universiti asal mereka tentang suasana pembelajaran dan pengalaman berharga mereka selama satu semester di UUM. Selain itu, dekan turut menyatakan PPA COLGIS UUM sentiasa menerima kehadiran pelajar mobiliti dengan tangan terbuka. Turut hadir bersama untuk memeriahkan majlis Hi Tea Bersama Pelajar Mobiliti UUM COLGIS adalah Penyelaras Praktikum PPA COLGIS, En. Asrar Omar dan Dr. Ani Munirah Mohamad. Majlis berakhir pada jam 5.00 petang.

Sekian, terima kasih.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email : colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS | Twitter : PPA_COLGIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in

this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.